

10 NOV 2003

Ali-Bajet

MELAKA AKAN BENTANG BAJET BERIMBANG PADA TAHUN DEPAN

MELAKA, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan negeri akan meneruskan pembentangan Bajet Berimbang untuk tahun depan bagi memastikan perbelanjaan mengurus seimbang dengan hasil yang dijangka dikutip.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata setakat ini, pelaksanaan Bajet Berimbang yang pertama kali dibuat bagi tahun ini, dijalankan mengikut apa yang telah ditetapkan.

" Nampak tahun lepas kita berjaya kawal pendapatan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan tahun ini kita akan teruskan perbelanjaan berimbang itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu beliau menghadiri perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin. Persidangan dewan itu untuk sesi bajet dijadual berlangsung sehingga Khamis ini.

Pada tahun lepas, Mohd Ali membentangan Bajet Berimbang bagi tahun ini di Persidangan Dewan Undangan Negeri dengan membuat anggaran hasil sebanyak RM177.8 juta manakala anggaran mengurus juga berjumlah RM177.8 juta.

Mohd Ali berkata Kerajaan negeri dijangka menyediakan bajet berimbang melebihi RM200 juta pada tahun depan.

Beliau berkata kadar pengangguran di Melaka juga dijangka menurun daripada 5.7 peratus tahun lepas kepada 3.7 peratus.

Mohd Ali juga berkata Dewan Undangan Negeri Melaka akan merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah memimpin negara selama 22 tahun.

Beliau berkata dewan juga akan merakamkan ucapan tahniah dan sokongan penuh kepada Perdana Menteri kelima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas pelantikannya itu.

-- BERNAMA

NO BK